

## PROCEDURES FOR ISLĀMIC MARRIAGE COUNSELING GUIDELINES: AN ANALYSIS

Solehah Shamsuddin<sup>1\*</sup>, Asar A.K.<sup>1</sup> and Affendy OM<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Centre of Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia.

<sup>2</sup> Faculty of Civil Engineering Technology, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia.

**ABSTRACT** – The term Islāmic marriage counseling among the Muslim community in Malaysia was first introduced along with the implementation of Islamic family law in the early 80's. Marriage counseling at State Islamic Religious Office [Pejabat Agama Islām Negeri (PAIN)] in Malaysia is a thing that has been going on for a long time. Yet to date, there is still no standard guidelines for the marriage counseling at PAIN. Each Islāmic marriage counselor has his/ her own interpretation about the guidelines that need to be practiced. Therefore, this study has come up with some suggestions of the guidelines needed to be practiced in the process of Islāmic marriage counseling to ensure it achieves the stated desired objectives.

### ARTICLE HISTORY

Received: 21<sup>st</sup> Apr. 2022

Revised: 26<sup>th</sup> Apr. 2022

Accepted: 15<sup>th</sup> May 2022

### KEYWORDS

*Procedures*

*Islāmic Marriage*

*Counseling*

*State Islamic Religious*

*Office*

## PROSEDUR GARIS PANDUAN RUNDING-CARA PERKAHWINAN ISLĀM: SATU ANALISIS KUALITATIF

**ABSTRAK** - Istilah runding-cara di kalangan masyarakat Islam di Malaysia mula diperkenalkan dengan pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di awal tahun 80an. Runding-cara perkahwinan di Pejabat Agama Islām Negeri (PAIN) adalah suatu perkara yang telah lama dijalankan. Namun sehingga kini, masih tidak terdapat garis panduan yang seragam di setiap PAIN masing-masing. Para perunding, masing-masing mempunyai interpretasi tersendiri tentang garis panduan yang perlu diamalkan. Oleh itu, kajian ini telah mendatangkan beberapa cadangan garis panduan yang perlu diamalkan dalam proses runding-cara perkahwinan bagi memastikan runding-cara tersebut mencapai objektif yang dikehendaki.

### KATA KUNCI

*Prosedur*

*Runding-Cara*

*Perkahwinan*

*Pejabat Agama Islām*

*Negeri*

### PENGENALAN

Runding-cara bukanlah suatu perkara yang baru muncul malah ianya wujud bersama-sama dengan kewujudan masyarakat manusia. Runding-cara mungkin berlaku dan berbeza dari segi cara, prinsip dan tekniknya. Istilah runding-cara di kalangan masyarakat Islām di Malaysia mula diperkenalkan bersama dengan pelaksanaan undang-undang keluarga Islām di awal tahun lapan puluhan. [1] Runding-cara perkahwinan bukan bermaksud sesi kaunseling kerana kaunseling adalah suatu proses pengajaran dan pembelajaran psikososial yang berlaku dalam bentuk bersemuka antara seorang kaunselor yang pakar dalam psikologi kaunseling dan seorang klien yang ditujukan kaunseling dengan menggunakan teknik dan kaedah profesional.[2] Dalam konteks kajian ini, runding-cara yang dimaksudkan ialah kaunseling perkahwinan. Kaunseling perkahwinan atau runding-cara perkahwinan ialah suatu bentuk psikoterapi untuk pasangan yang berkahwin yang melibatkan satu proses hubungan membantu antara seorang kaunselor dengan pasangan yang berkahwin secara bersemuka, bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan hubungan mereka.[3] Ia juga bertujuan bagi membantu pasangan suami isteri agar dapat mengurus atau menangani masalah hubungan mereka dengan cara yang lebih efektif dan dapat menghindarkan masalah kecil daripada menjadi besar dan serius.[3].

### PENYATAAN MASALAH

Runding-cara perkahwinan Islām di Pejabat Agama Islām di Malaysia adalah suatu perkara yang telah lama dijalankan. Namun sehingga kini, masih tidak terdapat garis panduan khusus dalam runding-cara perkahwinan Islām dan ianya tidak jelas di kalangan para perunding; masing-masing mempunyai interpretasi tersendiri tentang garis panduan yang perlu diamalkan. Justeru, kajian ini akan meneroka garis panduan yang perlu diamalkan dalam runding-cara perkahwinan Islām.

**Jadual 1.** Pemilihan literatur.

Pangkalan Data	Carian
	<b>Lapisan 1</b>
Scopus	“Garis Panduan Runding-Cara Perkahwinan Islam” (Tajuk)
*Kriteria Kemasukan	<input type="checkbox"/> Tiada had tahun penerbitan <input checked="" type="checkbox"/> Tiada had jenis sumber kajian <input checked="" type="checkbox"/> Artikel yang ditulis di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Berdasarkan kajian literatur dari Scopus yang dijalankan; pengkaji tidak mendapati sebarang penemuan utama yang diketengahkan berkaitan garis panduan runding-cara perkahwinan Islām.

**Jadual 2.** Bilangan artikel yang dikenal pasti pada mulanya dalam semakan Penerimaan Sistem Maklumat.

Sumber	Scopus
Tarikh carian	16 Mei 2022
Lapisan 1	0
Keputusan akhir	0

Berdasarkan pencarian kajian dari Scopus, tidak ada satu pun karya atau kajian sedia ada berkaitan garis panduan runding-cara perkahwinan Islām yang datang dari negara membangun termasuk dunia Islām.

**Jadual 3.** Pemilihan liteatur.

Pangkalan Data	Carian
	<b>Lapisan 1</b>
ScienceDirect	“Garis Panduan Runding-Cara Perkahwinan Islam” (Tajuk, Abstrak atau Kata Kunci Khusus Pengkaji)
*Kriteria Kemasukan	<input type="checkbox"/> Tiada had tahun penerbitan <input checked="" type="checkbox"/> Artikel yang ditulis di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Berdasarkan kajian literatur dari ScienceDirect yang dijalankan; pengkaji tidak mendapati sebarang penemuan utama yang diketengahkan berkaitan garis panduan runding-cara perkahwinan Islām.

**Jadual 4.** Bilangan artikel yang dikenal pasti pada mulanya dalam semakan Penerimaan Sistem Maklumat.

Sumber	ScienceDirect
Tarikh carian	16 Mei 2022
Lapisan 1	0
Keputusan akhir	0

Berdasarkan pencarian kajian dari ScienceDirect, tidak ada satu pun karya atau kajian sedia ada berkaitan garis panduan runding-cara perkahwinan Islām yang datang dari negara membangun termasuk dunia Islām.

## METODOLOGI KAJIAN

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metode kepustakaan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan prosedur garis panduan runding-cara perkahwinan Islām

## RUNDING-CARA

Kaunseling di Jabatan Agama Islām dikenali sebagai runding-cara atau kaunseling perkahwinan. Ia melibatkan pengurusan sebagai pemudahcara. Pegawai yang terlibat dalam unit ini tertakluk kepada undang-undang yang akan menjalankan pelbagai tugas yang diperlukan seperti wakil rasmi kadi semasa ketiadaannya, sebagai Ahli Jawatankuasa dalam bidang keagamaan dan penandaan pelbagai surat.[4]

Pada peringkat awal perkenalan sebelum akad nikah iaitu ketika memilih pasangan dikenali sebagai runding-cara Pra-Perkahwinan iaitu sebelum seseorang dara atau teruna memastikan calon pasangannya. Islām telah menentukan ciri-ciri yang mesti diikuti dan mesti dijauhi di dalam memilih pasangan hidup. Misalnya di dalam sebuah hadis Rasulullah S.A.W

telah menganjurkan supaya ciri agama diberi keutamaan meskipun pada hakikatnya manusia mengambil kira dari segi harta, rupa paras dan darjat keturunan. Rasulullah S.A.W juga melarang seseorang lelaki mengahwini seorang wanita yang cantik jelita tetapi ia menjadi faktor kejahatan. Rasa kasih dan sayang kepada calon suami atau isteri merupakan salah satu daripada faktor menguatkan ikatan perkahwinan. Jadi, Islām menganjurkan supaya melihat calon pasangan masing-masing dengan penuh adab yang digariskan oleh syara'. Di samping itu selepas akad terdapat khutbah nikah yang menerangkan lagi tanggungjawab suami dan isteri. Khutbah nikah ini amatlah perlu dan mesti disusun dengan lebih kemas dan komprehensif. Meskipun dewasa ini kursus pra-perkahwinan telah dikendalikan, akan tetapi ternyata kursus yang diberikan hanya berkisar di sekitar tugas dan kepimpinan suami [5] isteri menurut perspektif hukum, hal yang berkaitan dengan pengurusan perbelanjaan rumah tangga, pengurusan rumah tangga dan juga kesediaan untuk menjadi ibu bapa (*parenting*). Ternyata runding-cara pada peringkat awal ini berbentuk tunjuk ajar, penerangan dan perbincangan.[1].

Selain itu terdapat juga runding-cara apabila berlaku konflik rumah tangga atau dalam istilah fiqh dikenali sebagai “nusyuz”. Nusyuz bermakna keadaan di mana suami atau isteri enggan menunaikan kewajibannya sebagaimana yang dituntut oleh syara'. Langkah awal yang mesti dilakukan oleh suami terhadap isteri ialah dengan menasihatinya; peringkat kedua, jika nusyuznya masih berterusan meskipun telah dinasihati maka suami boleh meninggalkan tempat tidur dengan isteri; dan peringkat ketiga, pihak suami boleh memukul isterinya (pukulan sekadar mengajar dan bukan pada tempat yang sensitif seperti di muka). Sebaliknya jika pihak suami yang nusyuz, maka isteri hendaklah mengadu kepada Qadi. Apabila nusyuz berlaku sehingga ke peringkat yang paling sengit, maka ianya dikenali sebagai “Shiqaq [6]”. Apabila berlaku shiqaq, maka terdapat satu institusi pendamai yang dianjurkan oleh Islām yang dikenali sebagai “Hakim”. Pada peringkat ini runding-cara yang diperlukan adalah secara penyertaan langsung (*direct participation*) terhadap masalah yang dihadapi oleh kedua-dua pihak. Oleh itu konsep “Hakam” menetapi keperluan tersebut kerana wakil dari kedua-dua pihak hendaklah terdiri dari kalangan mereka yang memahami keadaan pihak yang diwakili.[1]

Terdapat juga runding-cara bagi pasangan yang telah lama berkahwin iaitu tiba-tiba timbul perasaan dingin dari satu pihak terhadap pasangannya. Terdapat dua keadaan bagi pasangan yang telah lama berkahwin; keadaan pertama ialah terdapat pasangan yang masih saling sayang-menyayangi malahan hubungan menjadi lebih utama apabila semakin lama usia perkahwinan kerana pada peringkat tersebut perkahwinan lebih memupuk perasaan saling perlu-memerlukan dan persahabatan di antara keduanya; dan keadaan kedua pula ialah terdapat pasangan yang semakin lama usia perkahwinan mereka, maka semakin pudar kemesraan dan kasih sayang di antara keduanya. Oleh sebab matlamat perkahwinan ialah untuk mengekalkan “Mawaddah” dan “Sakinah” di dalam sebuah rumah tangga, maka motif utama runding-cara pada peringkat ini ialah memperhebatkan kembali ikatan suami isteri, memberi panduan untuk mengatur program kehidupan demi untuk mengelakkan dari rasa bosan dan kesunyian dan oleh kerana perkahwinan dalam kategori ini melibatkan mereka yang telah berusia pastilah dalam jangkamasa yang begitu lama semakin banyak masalah yang timbul sama ada dari aspek sosial, ekonomi, mental, fizikal dan sebagainya. Oleh itu, jika masalah yang timbul terlalu serius maka masalah tersebut perlu diatasi atau meminta rujukan dari mereka yang mempunyai kepakaran. Sebagai kesimpulan, bentuk runding-cara pada peringkat ini lebih berbentuk menyedarkan atau peringatan dan juga perawatan atau pemulihan [1] (*curative and rehalilitative*).

## GARIS PANDUAN DALAM RUNDING-CARA PERKAHWINAN ISLĀM

Menurut [7] kebiasaannya amalan runding-cara ini diamalkan di Jabatan Agama Islām Negeri (JAIN) di Bahagian Undang-Undang Kekeluargaan (BUUK). Terdapat perbezaan amalan dan pelaksanaan runding-cara di Jabatan-Jabatan Agama Islām di Malaysia. Begitu juga dengan peranan dan cara pelaksanaan proses runding-cara di Seksyen Runding-Cara Keluarga, Bahagian Undang-Undang Kekeluargaan, Jabatan Agama Islām Selangor (JAIS).

Selain itu, [7] juga ada memberi cadangan supaya Seksyen Runding-Cara Keluarga di Jabatan Agama Islām Selangor diberikan penambahbaikan dari segi penyediaan modul runding-cara, etika pegawai runding-cara dan penguatkuasaan serta pengrekodan keberkesanan pelaksanaan sesi runding-cara bagi penilaian dan penambahbaikan pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, tenaga mahir juga perlu dipertingkatkan bagi mencapai objektif yang telah digariskan sesuai dengan visi dan misi.

### Garis Panduan Runding-Cara Perkahwinan Islām


Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada semua pegawai serta kakitangan yang bertugas, tetamu dan pelanggan yang berurusan di Pejabat Agama Islām Daerah bagi mendapatkan sesi runding-cara perkahwinan Islām.

**Jadual 5.** Prosedur Garis Panduan Runding-Cara Perkahwinan Islām.

<b>Runding-Cara Perkahwinan Islām</b>	<b>Proses</b>
1. Maklumat Perkhidmatan Runding-Cara Perkahwinan Islām	A
2. Pegawai Runding-Cara Perkahwinan Islām	B
3. Pelanggan Runding-Cara Perkahwinan Islām	C
4. Sesi Runding-Cara Perkahwinan Islām	D
5. Garis Panduan Berpakaian Ketika Menjalani Sesi Runding-Cara Perkahwinan Islām	E

Jadual 5 menunjukkan prosedur garis panduan runding-cara perkahwinan Islām bagi pelaksanaan pengurusan di Pejabat Agama Islām. Proses ini merujuk kepada lima prosedur meliputi maklumat perkhidmatan runding-cara

perkahwinan Islām, pegawai runding-cara perkahwinan Islām, pelanggan runding-cara perkahwinan Islām, sesi runding-cara perkahwinan Islām dan garis panduan berpakaian ketika menjalani sesi runding-cara perkahwinan Islām.



**Rajah 1.** Prosedur Garis Panduan Perkhidmatan Runding-Cara Perkahwinan Islām.

Rajah 1 menunjukkan prosedur garis panduan perkhidmatan Runding-Cara Perkahwinan Islām menerusi proses A, B, C, D dan E. Proses ini dicadangkan bagi melicinkan pengurusan proses runding-cara perkahwinan Islām bagi pelaksanaan pengurusan di Pejabat Agama Islām.

### A. Maklumat Perkhidmatan Runding-Cara Perkahwinan Islām

Maklumat perkhidmatan organisasi perlu dihebahkan dalam pelbagai saluran media untuk memudahkan pelanggan berurusan. Antara maklumat penting yang perlu dihebahkan adalah seperti berikut:

1. Alamat surat-menyurat Pejabat Runding-Cara.
2. Alamat e-mel Pejabat Runding-Cara.
3. Alamat laman web dan portal Pejabat Agama Islām.
4. Nombor talian khas atau hotline (perkhidmatan runding-cara) untuk dihubungi.
5. Nombor sistem pesanan ringkas (SMS).
6. Maklumat perkhidmatan kaunter.
7. Waktu operasi perkhidmatan pejabat Runding-Cara. Menurut [7] perkhidmatan runding-cara keluarga di JAIS hanya beroperasi pada waktu kerja semasa dan pada hari minggu. Pada masa bekerja ini adalah bermula jam 8 pagi sehingga 5 petang. Tujuan pelaksanaan dibuat dalam masa pejabat kerana ianya lebih bersestematik dan segala rekod keterangan dapat disimpan baik dalam fail. Ini bermakna, sekiranya terdapat aduan atau panggilan di luar waktu pejabat, sesi runding-cara tersebut akan ditetapkan janji temu pada masa akan datang bagi memudahkan penyimpanan data dan rujukan proses keterangan di mahkamah pada masa akan datang.

Pejabat Runding-Cara juga bertanggungjawab merekodkan semua urusan pelanggan yang dikendalikan ke dalam fail atau daftar rekod sama ada secara manual atau elektronik. Antara maklumat yang boleh direkodkan adalah seperti:

1. Nama pelanggan.
2. Tarikh dan masa pelanggan berurusan atau tarikh surat atau e-mel atau sms diterima.
3. Alamat surat-menyurat atau e-mel atau nombor telefon pelanggan.
4. Perkara yang dibangkitkan. Menurut [7] pegawai runding-cara hendaklah mengenal pasti jenis aduan mengikut Senarai Jenis Aduan yang tertera di dalam borang aduan.
5. Tindakan penyelesaian yang diambil.
6. Tarikh tindakan diambil dan dimaklumkan kepada pelanggan.

### B. Pegawai Runding-Cara Perkahwinan Islām

Menurut [8] pegawai runding-cara ialah pegawai Hal Ehwal Islām Gred S41, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islām Gred S27 dan Pembantu Hal Ehwal Islām Gred S17 yang dilantik termasuk secara sukarela, sangkut dan kontrak untuk mengendalikan proses runding-cara dengan pelanggan bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadi pelanggan, yang baik dan menyeluruh secara sukarela berlandaskan etika runding-cara.

#### **Memelihara Identiti, Tatalaku dan Integriti**

Pegawai yang beridentiti, bertatalaku baik dan berintegriti tinggi melambangkan pegawai yang amanah (menjaga rahsia pelanggan) dan jujur dalam pekerjaannya. Pegawai tidak boleh memilih bulu, hendaklah berlaku adil serta bersedia untuk berurusan dengan sesiapa sahaja dan tidak boleh mempunyai sifat tercela seperti khianat, hasad dengki, berbohong, mungkir janji, pecah amanah, menyeleweng dan menerima rasuah ketika menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

#### **Bersahsiah Mulia, Profesional, Kompeten dan Berwibawa**

Pegawai yang bersahsiah mulia, berprofesional tinggi, sentiasa kompeten dan berwibawa merangkumi gaya hidup, kepercayaan, harapan, nilai, motif, pemikiran, perasaan, budi pekerti, persepsi, tabiat, sikap dan watak seseorang. Pentingnya pegawai yang bersahsiah mulia ialah kerana ia akan memberi kesan yang menyeluruh kepada segenap lapisan masyarakat.

#### **Sentiasa Berusaha Menilai dan Meningkatkan Ilmu Pengetahuan, Kecekapan dan Kemahiran dalam Bidang Profesionnya**

Menurut [9] pegawai yang sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuannya akan membentuk sebuah organisasi yang cekap dan berkesan. Apabila kesemua pegawai mempunyai ilmu dan kompetensi yang sesuai dengan tugas dan

tanggungjawabnya, maka sesuatu pengurusan itu tidak akan mempunyai masalah untuk menyediakan dan memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada semua pelanggan. Perkembangan pesat dalam bidang ICT menjadikan kos komunikasi dan pengangkutan lebih murah serta dapat bergerak dengan pantas. Internet, e-mel, laman web dan alat komunikasi lain seperti telefon selular, mesin faksimili dan satelit merupakan keperluan harian yang membolehkan kita berkomunikasi dengan warga dunia secara mudah, cekap dan segera. Kita perlu meningkatkan keupayaan kita untuk menerima dan menyerap teknologi yang sentiasa berubah ini untuk sentiasa berada di hadapan.

### ***Berketerampilan yang Kemas, Bersih, Mengikut Kod Etika Berpakaian Penjawat Awam dan Menutup Aurat pada Setiap Masa dan Keadaan***

Menurut [7] pegawai runding-cara hendaklah berpakaian bersih dan kemas serta mengikut kod etika berpakaian penjawat awam. Sepertimana kita sedia maklum, apabila seseorang pegawai hendak melangkah masuk kemana-mana organisasi, di sebelah kekemasan ruang pejabat, penampilan dan tatacara berpakaian akan menjadi tanggapan pertama pelanggan. Penampilan seseorang warga kerja itu akan mencerminkan kredibiliti dan keupayaannya dalam melaksanakan tugas. Sekiranya seseorang tidak berupaya menguruskan keterampilan diri, ini memberikan impresi awal bahawa seseorang itu tidak berkeupayaan untuk menguruskan tugas dengan teliti dan teratur. Pakaian untuk ke pejabat tidak semestinya memerlukan kos yang tinggi. Sebaliknya pemilihan pakaian hendaklah dibuat berdasarkan keselesaan dalam melaksanakan tugas, berpadanan dengan susuk tubuh (menutup aurat) dan bergantung kepada tahap kewangan masing-masing. Pemilihan kasut dan aksesori pula hendaklah selesa dan bersesuaian agar tidak membataskan pergerakan individu dalam melaksanakan tugas harian.

### ***Berhikmah, Berhemah dan Bersikap Hormat***

Hubungan di antara pegawai runding-cara dan pelanggan hendaklah dijaga dan sentiasa mengamalkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira umur, pangkat, taraf hidup, warna kulit dan sebagainya. Ini bagi mengelakkan terjadi sebarang persengkatan di luar skop runding-cara dan supaya sesi runding-cara dapat berjalan lancar. Pegawai hendaklah memastikan semua pelanggan diberi layanan dengan penuh rasa hormat. Selain itu, pegawai runding-cara juga perlu menghormati privasi pelanggan dan merahsiakan segala maklumat yang diperolehi semasa sesi runding-cara perkahwinan melainkan maklumat yang boleh membahayakan pelanggan atau orang di persekitarannya.

### ***Jauh dari Kegiatan Menyalahi Akidah dan Jenayah***

Pegawai runding-cara tidak boleh terlibat dan jauh dari kegiatan yang menyalahi akidah, perlakuan jenayah dan perkara yang boleh mendatangkan keresahan, ketegangan dan perpecahan di kalangan masyarakat.

### ***Mematuhi Temu Janji Runding-Cara yang telah Ditetapkan***

Menurut [7] sekiranya pegawai hendak bercuti atau diarah mengikuti kursus, pegawai hendaklah memaklumkan kepada pelanggan lebih awal untuk penetapan tarikh janji temu yang baru. Contohnya, pelanggan yang hadir secara datang terus (*walk-in*) atau pertama kali hadir selepas mendapat surat panggilan runding-cara, maka pegawai runding-cara yang lain yang ada pada ketika itu akan menjalankan runding-cara. Oleh yang demikian, sekiranya berlaku pertukaran, pegawai pengganti hendaklah membaca dan meneliti fail kes aduan sebelum meneruskan sesi runding-cara setelah mendapat kebenaran Ketua Unit atau PTA.

### ***Mempunyai Kemahiran atau Sijil Khusus Dalam Bidang Kaunseling atau Pengajian Islām***

Menurut [7] kebanyakan pegawai runding-cara pada masa sekarang adalah berlatarbelakangkan jurusan pengajian Islām, yang mana secara khususnya mereka mempunyai kemahiran dan pengetahuan hukum syarak, pendidikan Islām serta Syariah. Walaubagaimanapun ada juga di antara mereka mempunyai pendidikan kaunseling atau Sijil Kaunseling. Sebagai tambahan untuk memperluaskan kemahiran, pegawai runding-cara perkahwinan Islām akan dihantar untuk mendapatkan Sijil Tinggi Kaunseling Syarie yang mempunyai 4 modul tidak termasuk kursus asas selama sebulan mengikut peringkat pada hari minggu bertempat di Institut Latihan Islām Malaysia (ILIM) bagi memantapkan kemahiran mereka. Sijil Tinggi Kaunseling Syarie ini juga merupakan satu inisiatif yang terbaik bagi membezakan kelayakan di antara kaunselor syarie dan juga kaunselor sivil. Ini kerana, Sijil Tinggi Kaunseling Syarie ini diberikan kepada Pegawai-pegawai runding-cara yang telah pun mendapat perkhidmatan di Jabatan Agama Islām. Untuk menambah kemahiran dan kecekapan mereka, mereka dihantar ke kursus. Manakala, Sijil Kaunseling yang diperolehi oleh Kaunselor ianya merupakan sijil kelayakan profesional yang mereka perlu sertakan semasa memohon jawatan sebagai kaunselor. Selain itu, menurut [7] juga pihak Jabatan Agama Islām Selangor (JAIS) juga akan mengadakan program dan kursus susulan bagi penambahbaikan dan peningkatan mutu kerja pegawai runding-cara.

Justeru, apabila garis panduan bagi latarbelakang pendidikan pegawai runding-cara ditetapkan, maka sesiapa sahaja boleh memberi kaunseling dalam bidang kepakaran masing-masing atau hasil dari pengalaman hidupnya yang berjaya.

### ***Mencatat Arahan atau Tindakan di dalam Fail Runding-Cara***

Menurut [7] pegawai runding-cara hendaklah mencatat setiap arahan atau tindakan di dalam kertas minit yang telah disediakan di dalam fail runding-cara. Pegawai runding-cara hendaklah mencatatkan keputusan sesi runding-cara di ruangan tindakan pada muka hadapan fail, sama ada:

- a. **Selesai:** Kes aduan yang berjaya diselesaikan.



- b. **Proses:** Kes aduan yang masih memerlukan sesi janji temu.
- c. **Mahkamah:** Kes aduan yang memerlukan pengadu membuat sebarang permohonan (yang berkaitan) ke mahkamah.
- d. **KIV:** Kes aduan yang tidak mendapat kerjasama antara pihak.
- e. **Tutup:** Kes aduan ditutup kerana bercanggah dengan peraturan sedia ada atau pengadu membuat keputusan untuk menutup kes.

Bagi permasalahan yang tidak berjaya diselesaikan di peringkat rundingan dan diteruskan ke mahkamah, kes akan ditutup di Seksyen Runding-Cara Keluarga. Ini bermakna pihak Seksyen Runding-Cara tidak lagi meletakkan pelanggan tersebut dalam tanggungjawab mereka. Secara asasnya, Seksyen Runding-Cara Keluarga berperanan sebagai penyelarasan dan menjadi orang tengah kepada penyelesaian permasalahan kekeluargaan sebelum kes-kes tersebut difailkan di mahkamah oleh mangsa atau dikenali sebagai penyelesaian luar mahkamah.

### **Mengelakkan Tegahan-Tegahan ke atas Pegawai Runding-Cara Perkahwinan Islām**

Pegawai runding-cara mestilah mengelakkan tegahan-tegahan berikut:

1. Pegawai tidak dibenarkan meninggalkan sesi runding-cara seperti yang dijadualkan tanpa alasan yang munasabah.
2. Hendaklah memastikan pelanggannya tidak menjalani runding-cara dengan pegawai runding-cara yang lain pada masa yang sama.
3. Tidak boleh memberikan runding-cara kepada pelanggan mengenai isu di luar daripada kepakarannya tetapi hendaklah merujuk pelanggan tersebut kepada pihak yang berkenaan.
4. Sesi khidmat runding-cara yang dirakam atau dipitavideokan tidak boleh dikongsikan melainkan dengan kebenaran pelanggan.

### **C. Pelanggan Runding-Cara Perkahwinan Islām**

Menurut [8] pelanggan runding-cara ialah individu yang menerima khidmat runding-cara daripada Pegawai Runding-Cara di Jabatan Agama Islām Negeri bagi menghasilkan perubahan, perkembangan dan penyesuaian peribadinya secara sukarela. Seorang klien runding-cara perkahwinan Islām mestilah individu yang :

#### **Memerlukan Khidmat Runding-Cara**

Berikut adalah individu yang memerlukan khidmat runding-cara:

1. Mengalami tekanan (stress) atau berkonflik
2. Sukar berinteraksi
3. Memerlukan pengukuhan emosi
4. Ingin berkongsi dan mengenalpasti masalah
5. Memerlukan bimbingan atau panduan
6. Ingin memahami peraturan atau prosedur
7. Ingin mempertingkatkan kemahiran diri
8. Memulihkan perhubungan dengan ahli keluarga
9. Bagi memahami diri sendiri, pasangan dan ahli keluarga

#### **Telah Membuat Temujanji Terlebih Dahulu**

Menurut [7], prosedur penerimaan aduan kekeluargaan berdasarkan SOP Khidmat Nasihat dan Runding-Cara Kekeluargaan adalah seperti berikut; pelanggan yang ingin mendapatkan sesi runding-cara perlulah membuat temujanji terlebih dahulu di Pejabat Agama Islām Daerah. Ini bermakna, sebarang aduan yang dibuat di luar kaunter adalah tidak dikira seperti melalui panggilan telefon ataupun secara online. Tiada sebarang peruntukan atau bidang kuasa dalam menentukan perjalanan perkhidmatan ini. Perkhidmatan ini boleh didapati dari mana-mana Pejabat Agama Islām Daerah (PAID) tanpa mengikut prosedur pemastautinan pengadu. Mereka perlu mengisi borang yang disediakan, lampirkan kad pengenalan dan salinan surat nikah atau surat rujuk. Ini bermakna, kebiasaannya pengadu akan diminta mengisi borang maklumat diri sebelum sesi rundingan dimulakan. Borang mereka akan dinilai bagi mengenal pasti latar belakang pengadu. Borang aduan yang telah lengkap diisi hendaklah dicap penerimaan tanda pengesahan permohonan dan borang aduan yang telah diterima hendaklah difailkan di dalam Fail Aduan Kekeluargaan dan didaftarkan di dalam buku daftar. Setelah itu, mereka boleh mendapatkan nombor rujukan atau tarikh temujanji sesi runding-cara. Tarikh temujanji sesi runding-cara ini akan memudahkan proses penggiliran waktu bagi seseorang pengadu mendapatkan sesi runding-cara dan juga bagi pengadu bersedia untuk menghadiri sesi runding-cara.

### **Temujanji Hendaklah Dipatuhi**

Pelanggan runding-cara hendaklah mematuhi temujanji yang telah disediakan oleh Pejabat Agama Islām. Ini adalah bagi mengelakkan sebarang masalah di kemudian hari dan untuk mengelakkan kekosongan sesi runding-cara pada tarikh yang telah ditetapkan. Selain itu, ia juga akan menyukarkan pihak pegawai runding-cara untuk mencari tarikh baru yang sesuai jika seseorang pelanggan itu terpaksa menanggung sesi runding-cara. Pegawai runding-cara hendaklah mengingatkan pelanggan tarikh temu janji yang telah ditetapkan dan pelanggan perlu menghubungi semula sekiranya gagal hadir pada tarikh temu janji yang telah ditetapkan.

### **D. Sesi Runding-Cara Perkahwinan Islām**

#### ***Bilangan Kaunter Yang Mencukupi***

Pegawai yang menjaga kaunter perlulah sentiasa bersedia mendengar dan memahami perkara yang dibangkitkan oleh pelanggan, seterusnya mengambil tindakan untuk menyampaikan maklumat berkaitan yang dapat membantu pelanggan berurusan. Justeru, bilangan kaunter pertanyaan perlulah mencukupi di Pejabat Agama Islām.

#### ***Bilik Khas Runding-Cara yang Bersih dan Kemas***

Menurut [7] pejabat Agama Islām perlulah menyediakan tempat dan ruang runding-cara (bilik khas runding-cara) yang telus pandangan, kedap bunyi, bersih dan kemas untuk memberi keselesaan kepada pelanggan yang berurusan. Tempat dan ruang bagi sesi runding-cara hendaklah kedap suara dan kedap bunyi supaya segala maklumat, pertemuan, data dan perihal berkaitan runding-cara akan dirahsiakan. Pastikan pengudaran bilik runding-cara sentiasa baik dan lancar supaya tidak menjejaskan sesi runding-cara. Selain itu, tempat runding-cara yang dijalankan juga boleh menggunakan meja bulat yang mana ia bertujuan memastikan pegawai runding-cara dan pelanggan dapat bertemu muka dan jalinan komunikasi berlaku dalam keadaan baik.

#### ***Ruang Menunggu yang Banyak***

Sebelum pelanggan menjalani sesi runding-cara, ruang untuk menunggu di luar bilik runding-cara perlulah ada. Pejabat Agama Islām perlulah menyediakan ruang menunggu yang banyak dan selesa supaya emosi pelanggan terjaga sebelum pelanggan menjalani sesi runding-cara.

#### ***Kebersihan Tandas***

Pastikan tandas awam berdekatan bilik sesi runding-cara sentiasa bersih, selesa dan mencukupi.

#### ***Penyediaan Kemudahan Sokongan***

Menyediakan kemudahan sokongan untuk keperluan pelanggan seperti kantin, telefon awam, tempat riadah untuk kanak-kanak, mesin ATM dan sebagainya.

#### ***Penetapan Tempoh Masa Sesi Runding-Cara***

Menurut [7] pegawai runding-cara hendaklah memaklumkan kepada pelanggan, sesi runding-cara yang diperuntukkan adalah antara 45 minit sehingga 60 minit sahaja. Tempoh masa terpaksa ditetapkan dengan mengambil kira penggiliran terhadap pelanggan-pelanggan lain yang hadir juga. Walau bagaimanapun, peruntukan masa yang diberikan tertakluk kepada situasi kes aduan tersebut. Manakala bagi sesi susulan akan dijalankan bagi permasalahan yang memerlukan rundingan tambahan. Sesi susulan akan disusun mengikut kekosongan tarikh dan masa.

#### ***Tidak Dikenakan Bayaran bagi Sesi Runding-Cara***

Menurut [7] perkhidmatan runding-cara di seksyen Runding-Cara Keluarga JAIS merupakan satu perkhidmatan percuma dan berbentuk sukarela. Pelanggan yang hadir tidak akan dikenakan bayaran untuk khidmat runding-cara yang diberikan. Justeru, setiap pelanggan sesi Runding-Cara di Pejabat Agama Islām Daerah di Malaysia juga tidak perlu dikenakan bayaran.

#### ***Mempunyai Hubungan Baik Bersama Agensi Lain***

Menurut [7] selain dari mempunyai hubungan baik bersama mahkamah, Jabatan Agama Islām Selangor juga mempunyai hubungan baik dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), hospital dan pihak-pihak yang terlibat berkaitan dengan rujukan permasalahan pengadu atau yang diadu bagi memudahkan perjalanan sesi runding-cara. Hubungan baik bersama agensi lain adalah bagi mendapatkan maklumat daripada mereka dan mereka juga ada mendapatkan maklumat dari Jabatan Agama Islām Selangor (JAIS). Justeru, Pejabat Agama Islām Daerah di Malaysia juga perlu mempunyai hubungan yang baik bersama agensi lain bagi memudahkan perjalanan sesi runding-cara.

### **E. Garis Panduan Berpakaian Ketika Menjalani Sesi Runding-Cara Perkahwinan Islām**

Menurut [10] pada asalnya garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan kepada semua pegawai serta kakitangan yang bertugas, tetamu dan pelanggan yang berurusan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

Justeru garis panduan ini juga boleh dijadikan sebagai garis panduan berpakaian bagi pegawai dan pelanggan ketika menjalani sesi runding-cara perkahwinan Islām kerana tempat runding-cara ini berada di dalam Pejabat Agama Islām

Daerah dan semua orang sedia maklum, sesiapa yang hadir di Pejabat Agama Islām wajib menutup aurat dengan sempurna.

### **Garis Panduan Berpakaian Umum bagi Lelaki dan Wanita Mengikut Syarak**

Menurut [10] garis panduan berpakaian yang dimaksudkan adalah berdasarkan kepada konsep dan prinsip aurat dalam Islām.

#### **Pakaian yang Sopan**

Pakaian yang sopan ialah tidak menampakkan aurat.

#### **Pakaian Tidak Ketat**

Pakaian tidak ketat tujuannya adalah supaya tidak kelihatan bentuk tubuh badan yang sepatutnya disembunyikan yang boleh merangsang syahwat orang yang melihatnya.

#### **Tidak Berlebih-lebihan**

Pakaian yang berlebih-lebihan ialah pakaian yang terlajak perhiasannya sehingga menzahirkan kesombongan kepada si pemakai.

﴿لِكَيْلَا تَأْسَوْا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا بِمَا آتَاكُمْ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ۚ﴾

*Maksudnya : Agar kamu tidak bersedih hati terhadap apa yang luput dari kamu, dan tidak pula terlalu gembira terhadap apa yang diberikan-Nya kepadamu. Dan Allah tidak menyukai setiap orang yang sombong dan membanggakan diri.[11]*

#### **Tidak Menyerupai Syiar Pakaian Agama Lain**

Pakaian yang tidak menyerupai syiar pakaian agama lain bermaksud pakaian yang tidak menyerupai pakai orang kafir (seperti pakaian pendeta, tukang sihir, memakai salib dan semua pakaian khusus yang dipakai oleh pemeluk agama tertentu). Haram hukumnya memakai pakaian tersebut.

#### **Bahan Buatan daripada yang Jenis Halal**

Bahan buatan pakaian dan kelengkapan hendaklah daripada bahan-bahan yang suci dan tidak bernajis seperti kulit binatang.

#### **Tiada Tulisan atau Gambar yang Keterlaluan pada Pakaian**

Pakaian yang mempunyai tulisan atau gambar yang keterlaluan akan menimbulkan rasa kurang selesa dan sopan serta menyalahi etika semasa berurusan di premis-premis kerajaan.

### **Garis Panduan Berpakaian Umum Merujuk kepada Pekeliling Serta Peraturan Perkhidmatan Awam**

- i. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 (Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam)
- ii. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013 (Pemakaian Two/Three - Piece Pant Suit Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja)
- iii. Perkara 6 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- iv. Pekeliling Perkhidmatan Bil.1 tahun 2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi)
- v. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 2008. (Pemakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis)

### **Garis Panduan Berpakaian Khusus Bagi Lelaki**

#### **Tidak Menyerupai Pakaian Wanita**

Orang lelaki tidak dibenarkan memakai pakaian yang khusus untuk kaum wanita atau yang menyerupai wanita.

#### **Tidak Diperbuat daripada Sutera dan Emas**

Orang lelaki diharamkan memakai pakaian yang diperbuat daripada sutera dan emas.

### **Garis Panduan Berpakaian Khusus Bagi Wanita**

#### **Tidak Menyerupai Pakaian Lelaki**

Wanita tidak dibenarkan memakai pakaian yang khusus untuk kaum lelaki atau yang menyerupai lelaki.



### Melabuhkan Pakaian

Hendaklah melabuhkan pakaiannya seperti tudung yang sepatutnya dipakai sesuai dengan kehendak syarak sehingga ke bawah dada. Pakaian juga hendaklah dilabuhkan agar menutupi bahagian punggung.

### Tidak Menarik Perhatian Lelaki (Tabarruj)

Ini menunjukkan sebarang perbuatan yang boleh menarik perhatian orang lelaki seperti make-up secara berlebihan dan lain-lain yang sewaktu dengannya adalah dilarang.

### Tidak Berwangi-Wangian

Berwangian yang tidak melampau bagi menutupi bau yang kurang enak dan hanya si pemakai yang mendapat baunya adalah tidak dilarang. Justeru, menjaga kebersihan diri adalah sangat dianjurkan.

### Tidak Mengikat Sanggul Rambut Dengan Menonjol

Nabi menyebut “kāsīyāt ‘āriyāt” – wanita yang berpakaian (ertinya menutup) tetapi seolah-olah bertelanjang, disebabkan tidak cukup syarat-syarat dan etika-etika dalam berpakaian dan menutup aurat. Kepala mereka seperti bonggol-bonggol unta. Bonggol unta maksudnya ia menonjol naik. Jadi ini menunjukkan bahawa pada asalnya mereka memakai dan menutup, tetapi kaedah cara memakai itu tidak kena. Sanggulnya sepatutnya boleh diikat kecil tetapi sengaja dibuat sanggulnya tinggi. Ini tidak dibolehkan. Apatah lagi pada hari ini dijual sanggul yang sudah siap (sanggul tiruan). Difahami bahawasanya sekiranya rambut seseorang itu panjang maka ia perlu diikat, tetapi bukanlah mengikat secara melampau sehingga naik menonjol.

## KESIMPULAN

Sehingga kini, tiada lagi garis panduan khusus yang lengkap bagi runding-cara perkahwinan Islām yang perlu dipatuhi oleh para pegawai yang menjalankan runding-cara di jabatan atau pejabat agama Islām negeri masing-masing. Pegawai runding-cara perkahwinan Islām dilihat menjalankan runding-cara perkahwinan Islām mengikut garis panduan sendiri.

Pengkaji mencadangkan agar garis panduan dalam runding-cara perkahwinan Islām perlu diseragamkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan seperti Jabatan Agama Islām Malaysia (JAKIM) atau Jabatan Agama Islām Negeri masing-masing. Bahkan pengkaji juga berpendapat bahawa para pelanggan juga perlu diperjelaskan tentang garis panduan ketika menjalani sesi runding-cara perkahwinan tersebut. Ini adalah bagi memastikan matlamat dan proses runding-cara tersebut adalah bertepatan dengan tujuan utama runding-cara itu dijalankan. Ia juga akan lebih membuahkan hasil yang ingin diperolehi daripada hasil runding-cara tersebut. Adalah diharapkan dengan adanya kajian ini, ia akan memberi impak yang lebih positif kepada proses runding-cara perkahwinan Islām dan keberkesanannya, *wallāhu a‘lam bi al-ṣawāb*.

## RUJUKAN

- [1] M. N. Siti Zulaikha, “Rundingcara: Jalan Mengatasi Masalah Keluarga,” *Majalah Sinar Rohani, Universiti Kebangsaan Malaysia*, pp. 1–8, Nov. 2003. doi: 10.16309/j.cnki.issn.1007-1776.2003.03.004.
- [2] S. C. Shertzer, B. & Stone, *Fundamentals of Guidance and Counselling*. Boston: Houghton Mufflin Co., 1976.
- [3] L. P. dan P. K. N. LPPKN, “Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan,” *Laman Web Rasmi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara*, 2020.
- [4] N. S. A. Mansor, “Penghayatan Agama Sebagai Wahana Memperkasa Nilai Insan: Kajian Konsep Berdasarkan Pandangan Sarjana Islam,” in *Seminar Kebangsaan Pengajian Umum*, p. 2006.
- [5] S. H. Putung and R. Azahari, “Kepemimpinan Suami Dalam Perspektif Islam: Fungsi Dalam Memperkukuhkan Institusi Keluarga,” *J. Syariah*, vol. 28, no. 2, pp. 127–156, 2020, doi: 10.22452/js.vol28no2.1.
- [6] F. al-D. M. I. ‘Umar Al-Razi, “Al-Tafsir al-Kabir,” vol. 10, Kaherah: Mu’assasat al-Matba‘ah al-Islamiyyah, 1938, pp. 87–88.
- [7] M. A. S. Nur Zulfah, M. J. Zaini Yusnita, B. M. R. Azizah, D. Zanariah, and M. D. Hammad, “Peranan Dan Pelaksanaan Runding Cara Kekeluargaan: Satu Kajian Di Jabatan Agama Islam Negeri Selangor,” *4th Int. Conf. Islam. Stud. 2018*, vol. 21, no. September, pp. 699–709, 2018.
- [8] A. Norhayati, M. Norhudayati, A. Roslee, and M. N. Sulaiman Shakib, “PERANan, Proses Kerja & Tanggungjawab Kaunselor di Jabatan Agama Islam dalam Menangani Masalah Kekeluargaan,” in *Seminar Kaunseling Keluarga*, 2008, pp. 14–22.
- [9] P. INTAN, “Ilmu Dan Latihan Teras Kecemerlangan Perkhidmatan Awam,” 2003, pp. 1–9. [Online]. Available: <https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/ubulanan/2003/INTAN.pdf>
- [10] Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, *Garis Panduan Etika Berpakaian Dan Penampilan Garis panduan bagi pegawai serta kakitangan, tetamu dan pelanggan ketika berurusan di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor*, Pertama. Shah Alam, Selangor: Anonymous Graphic Design, 2018.
- [11] A. L. T. A.-Q. KKDN, *Al-Qur’anul Kareem & Terjemahannya RASM UTHMANI.pdf*. Batu Caves, Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman, 2012.